



Ruj. Kami : ANM.NS.100-1/5/3 (10)

Tarikh : 12 Ogos 2020

**Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Jabatan Persekutuan Negeri Sembilan**

YBhg Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

**ARAHAN OPERASI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI SEMBILAN
BIL. 10 TAHUN 2020 : PENGURUSAN TERIMAAN MELALUI KAEDAH e-PEMBAYARAN**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan sedia maklum, e-Pembayaran adalah kaedah pembayaran kepada Kerajaan secara elektronik dengan menggunakan mod terimaan tanpa tunai seperti Kad Debit, Kad Kredit, JomPAY, Kad American Express (AMEX) dan Pindahan Dana daripada Akaun Bank Pembayar (EFT). Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) melalui Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil.3 Tahun 2019 telah mengeluarkan Garis Panduan Pengurusan Terimaan Melalui Kaedah e-Pembayaran. Garis panduan ini menerangkan secara terperinci tentang tanggungjawab Pusat Tanggungjawab (PTJ) / Pejabat Pemungut (PP) dan Pejabat Perakaunan (AO) dalam melaksanakan pengurusan terimaan melalui kaedah e-Pembayaran bagi memastikan transaksi diperakaunkan dengan tepat dan betul dalam tempoh masa yang ditetapkan.

3. Sehubungan itu, PTJ / PP adalah dipohon untuk mengambil perhatian dan tindakan ke atas perkara-perkara berikut :

3.1 Penggunaan ID Korporat Terimaan

- i. PTJ / PP hendaklah mewujudkan ID Korporat Terimaan berdasarkan struktur berikut :

Kod Kumpulan PTJ + Kod PTJ + ID Bank + ID Saluran Terimaan + Nombor Unik Oleh Bank

2 aksara 6 aksara 1 aksara 1 aksara 3 aksara

- ii. Pegawai Penyedia di PTJ / PP hendaklah memastikan ruangan nombor slip bank Penyata Pemungut dikemaskini mengikut nombor ID Korporat Terimaan sebelum dikemukakan kepada Pegawai Peraku I.

- iii. PTJ / PP hendaklah memastikan nombor ID Korporat Terimaan dinyatakan pada transaksi dan dokumen Pindahan Wang oleh *Acquiring Bank*, Penyata Bank Harian dan Penyata Pemungut.

3.2 Pemindahan Wang

- i. PTJ / PP adalah bertanggungjawab memastikan *Acquiring Bank* yang dilantik memindahkan semua terimaan yang dipungut ke Akaun Terimaan Utama AO **dalam tempoh satu (1) hari bekerja selepas hari transaksi (T+1) sebelum jam 4.00 petang.**
- ii. PTJ / PP hendaklah memastikan *Acquiring Bank* menghantar Notifikasi Pindahan Wang (NPW) / Penyata Bank Harian (PBH) / Laporan Ringkasan Pindahan Wang kepada PTJ / PP bagi memaklumkan amaun yang dipindahkan ke Akaun Terimaan Utama AO.

3.3 Penyata Pemungut

PTJ / PP hendaklah menyediakan Penyata Pemungut *Online* berdasarkan amaun pindahan di Laporan Terimaan Harian (LTH) / Laporan Urusniaga Harian (LUH) dan Notifikasi Pindahan Wang (NPW) / Penyata Bank Harian (PBH) / Laporan Ringkasan Pindahan Wang yang diklasifikasikan mengikut kod hasil.

4. Sehubungan itu, semua PTJ / PP yang mempunyai kutipan secara e-Pembayaran adalah dipohon untuk mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan dalam SPANM Bil.3/2019. Sebarang pertanyaan lanjut berkenaan perkara ini, dipohon pihak YBhg Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan untuk menghubungi Puan Elezanor binti Abdul Hamid (06-768 6813) atau Puan Zaliza binti Bakar (06-768 6841).

5. Perhatian dan kerjasama daripada pihak YBhg Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"

Saya yang menjalankan amanah,



(MASAYU BINTI MUSTAFA C.A (M))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sembilan